



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

55 PENJAJA MANGSA KEBAKARAN PASAR DATUK KERAMAT TERIMA BANTUAN

KUALA LUMPUR, 26 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini menghulurkan sumbangan berjumlah **RM82,500** kepada **55 orang** peniaga Pasar Datuk Keramat yang terlibat dalam kebakaran pada 17 Mac lalu. Sumbangan itu disampaikan oleh menterinya YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar kepada YBhg Datuk Haji Mohamad bin Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan semasa membuat tinjauan di tempat kejadian.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, “Atas dasar prihatin dan tanggungjawab, MEDAC menyalurkan sumbangan ini bagi membantu mangsa yang telah hilang mata pencarian dan punca rezeki untuk kembali meneruskan perniagaan mereka. Ianya diharap dapat meringankan sedikit beban mereka dan keluarga terlibat yang masih bergelut untuk bangkit daripada pandemik COVID-19, dan lebih hiba lagi kejadian berlaku ketika hampir menjelang Ramadhan dan Syawal” katanya di Pasar Datuk Keramat, di sini hari ini.

“Selepas ini, agensi-agensi MEDAC seperti SME Corp Malaysia, Tekun, Bank Rakyat dan SME Bank akan melihat keperluan bagi membantu mangsa membangunkan semula perniagaan mereka. Mereka juga boleh berhubung terus dengan pihak agensi bagi mendapatkan bantuan yang diperlukan”, tambah beliau lagi.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI